

Headline	Wanita perlu utamakan kesihatan dan gaya hidup sihat: Shahrizat		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	01 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	3	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	71 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 138
Frequency	Daily	PR Value	RM 414



## Wanita perlu utamakan kesihatan dan gaya hidup sihat: Shahrizat

KUALA LUMPUR: Walaupun isu kecantikan tidak dapat dipisahkan dengan golongan wanita, golongan hawa sepatutnya mengutamakan kesihatan bagi membolehkan mereka menguruskan rumah tangga dan kerjaya dengan baik.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata pada pengamatannya, golongan wanita di negara ini lebih mengutamakan aspek lain seperti keseronokan dan kecantikan berbanding kesihatan diri.

Kesibukan mengurus rumah tangga atau kerjaya tidak seharusnya dijadikan sebagai alasan untuk wanita mengabaikan kesihatan mereka termasuk tidak mengamalkan gaya hidup sihat seperti bersemenam selain pemakanan yang sihat, kata Shahrizat yang juga Ketua Wanita Umno.

“Wanita perlu mempunyai kesihatan yang baik selain memiliki kekuatan jasmani dan rohani supaya dapat menjalankan tugas sebagai ibu dan isteri,” katanya ketika merasmikan Karnival Kesihatan anjuran Pergerakan Wanita Um-

no di sini kelmarin.

Karnival yang masuk tahun kelapan itu diadakan dengan kerjasama Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antaranya, Yayasan Angin Ahmar Melaka dan Majlis Aids Malaysia.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perancangan dan Penilaian Program MySihat, Arfah Mahani Amran berkata, pihaknya sentiasa menggalakan mana-mana NGO untuk menjalankan program promosi kesihatan kepada masyarakat.

Katanya sehingga kini sebanyak 268 NGO telah memohon dana berjumlah RM4 juta daripada MySihat untuk menganjurkan pelbagai program mempromosi kesihatan seperti sukan dan rekreasi sejak diperkenalkan pada 2007.

-Bernama